

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 7/1963**

---

**PERKARA PERMOHONAN TANAH DARIPADA SYARIKAT**

---

Baharu-baharu ini ada didapati permohonan-permohonan tanah yang telah diterima daripada badan-badan perniagaan yang telah dikemukakan oleh Pemungut Hasil Tanah ke pejabat ini untuk ditimbang oleh Kerajaan dengan tidak mendapat siasatan yang lebih teliti. Dengan itu satu perkara telah timbul yang mana Kerajaan telah meluluskan satu permohonan daripada badan perniagaan yang tidak didaftar dibawah Undang-Undang Syarikat (Company's Ordinance). Syarikat ini cuma didaftarkan dibawah undang-undang Perniagaan (Business Registration Ordinance), yang mana tidak membolehkan untuk memiliki tanah sebagai yang dinyatakan di bawah bahagian 10 Undang-Undang Tanah.

2. Untuk mengelakkan perkara yang semacam ini dari berlaku lagi dimasa-masa hadapan, Pemungut-Pemungut Hasil Tanah hendaklah meneliti dengan sehalus-halusnya semua permintaan daripada badan-badan perniagaan (Articles of Associations) yang berkenaan yang akan menunjukkan samada badan ini boleh memiliki tanah-tanah atau tidak.

T.T  
**(ABDUL GHANI BIN MOHD NOOR)**  
PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN  
SELANGOR

Sel. Sec 224 (11)

Kuala Lumpur  
6hb December 1963